

**Rancangan Operasi Perbankan Islam Affin Di China Dijangka Wujud Pada Separuh Kedua 2012**  
**Bernama**  
**5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Affin Holdings Bhd menjangka rancangannya untuk menubuhkan operasi perbankan Islam di China akan menjadi kenyataan pada separuh kedua tahun ini.

Timbalan Pengerusinya Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin berkata Affin Holdings akan bekerjasama dengan pemegang sahamnya, Bank of East Asia Ltd (BEA) yang berpangkalan di Hong Kong, menawarkan produk perbankan Islam di China.

BEA, yang memegang kira-kira 23 peratus pegangan dalam Affin Holdings, merupakan bank asing terbesar di China.

"Kami berharap dapat menembusinya tahun ini. Ia mengambil sedikit masa tetapi InsyaAllah, pada pertengahan atau akhir tahun ini, ia akan menjadi kenyataan," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual.

Beliau berkata Affin ketika ini sedang meneliti pelbagai peluang untuk menubuhkan satu bentuk operasi perbankan Islam di China dan ia akan berada di bawah jenama "Affin Bank".

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650088>